

Kenyataan penuh Kula Segaran nafi tuduh 'Melayu Pendatang'

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 JULAI

NAIB Pengerusi DAP, M. Kula Segaran menafikan laporan beliau mendakwa Melayu merupakan golongan pendatang di negara ini sementara penduduk asal merupakan penganut agama Hindu.

Menteri Sumber Manusia itu dalam satu kenyataan berkata, pandangan beliau telah diputarbelitkan oleh pihak-pihak tertentu yang mahu menimbulkan ketegangan kaum.

Berikut adalah kenyataan penuh Kula Segaran:

Menjelaskan fitnah suratkhbar UMNO (*Utusan Malaysia*) menyuarakan artikel berita berusur fitnah dan sengaja memainkan isu perkauman, rasis dan propaganda tentang pandangan saya terhadap sejarah Malaysia.

Di sini saya ingin menjelaskan tentang pandangan saya yang telah diputarbelitkan oleh pihak-pihak tertentu yang mahu menimbulkan ketegangan kaum.

Laporan *Utusan Malaysia* pada 27 Julai 2018 dan dakwaan-dakwaan di media sosial telah menuduh saya membuat kenyataan kononnya orang Melayu adalah pendatang di Malaysia manakala kaum India merupakan penduduk asal negara ini.

Ini adalah satu fitnah dan pembbohongan. Saya tidak pernah berkata begitu. Ia diputarbelitkan tanpa latar atau konteks yang sebenarnya.

Izinkan saya membuat penjelasan.

Saya telah hadir di satu majlis agama Hindu di Nilai, Negeri Sembilan, minggu lalu dan mengemukakan pandangan saya yang antara lain menjelaskan bahawa kita tidak



M. KULA SEGARAN

sepatutnya tuduh-menuduh dengan menggelar seseorang atau sesuatu kaum sebagai pendatang. Kita sama-sama berkongsi kehidupan di Malaysia.

Dalam majlis berbahasa Tamil itu, saya tidak menyebut sama sekali tentang orang Melayu. Sudah tentu tuduhan kononnya saya mengatakan

orang Melayu adalah pendatang merupakan fitnah dan pembbohongan semata-mata.

Apa yang saya jelaskan dalam majlis itu adalah orang India telah berada di Tanah Melayu sejak 2,500 tahun lalu. Agama Hindu dibawa oleh orang India ke Tanah Melayu. Hasil penemuan arkeologi di kawasan Lembah Bujang, terutamanya penemuan Sungai Batu, di Kedah telah membuktikan hal ini.

Sehubungan itu, saya berpendapat tidak adil jika kaum India di-

gelar sebagai pendatang, berdasarkan faktor-faktor sejarah itu.

Agama Hindu merupakan agama awal yang dianuti penduduk tempatan di Tanah Melayu dan Nusantara dan kemudiannya berkembang kepada ajaran Buddha dan sehinggalah Islam dibawa ke rantau ini dan menjadi popular pada abad ke-15.

Transmigrasi pula merupakan proses yang natural yang berlaku di seluruh dunia. Pelbagai kaum saling berhijrah ke merata dunia mengikut keperluan dan suasana semasa. Begitu juga dengan Tanah Melayu, Malaysia, India, China dan banyak lagi. Ini fakta sejarah.

Semua ini adalah fakta sejarah. Jadi, apa yang saya mahu tekankan ialah sejarah patut diajar dengan fakta yang benar, tepat dan lengkap. Ini penting agar setiap warga Malaysia tahu sejarah kita sendiri.

Sekian, terima kasih.

M. KULA SEGARAN
Menteri Sumber Manusia
Naib Pengerusi DAP Kebangsaan
Ahli Dewan Rakyat Ipoh Barat

Rafizi tampil 8 ahli bersekutu bertanding

KUALA LUMPUR 28 Julai - Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli akan menampilkan lapan ahli bersekutu yang turut sama bertanding pada Pemilihan PKR 2018 termasuk Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar.

Selain Nurul Izzah, mereka yang turut menyertai pasukan bersekutu Rafizi ialah Ahli Parlimen Sungai Petani, Datuk Johari Abdul; Ahli Parlimen Selayang, William Leong dan Ahli Parlimen Sungai Siput, S. Kesavan.

Turut menyertai ialah Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh; Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Tiga, Rodziah Ismail, Ahli Parlimen Johor Bahru, Akmal Masir dan Ketua Pemuda PKR Sabah, Raymond Ahuar.

Bagi pemilihan yang akan di-



RAFIZI RAMLI



NURUL IZZAH

jalankan Ogos nanti, jawatan Naib Presiden PKR akan ditandingi Nurul Izzah, Johari, William dan Kesavan.

Ketua wanita pula akan ditandingi Fuziah manakala Rodziah sebagai timbalan sementara ketua pemuda, Akmal Nasir dan Ray-

mond Ahuar sebagai timbalan.

Menurut portal *Free Malaysia Today* (FMT), ahli-ahli bersekutu Rafizi yang ditonjolkan adalah seperti yang terpampang dalam poster berkempennya.

Rafizi berkata kepada FMT, beliau akan mengumumkan barisan penuh pasukannya pada Ahad ini di satu himpunan di Ampang, Selangor.

"Poster itu juga menandakan 20 tahun gerakan reformasi. Dia berada di tengah diapit empat orang di kiri dan kanan dan Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar

Ibrahim dan Presiden, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail di atas mereka," menurut portal berkenaan.

Baru-baru ini, Rafizi mengesahkan akan bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan PKR Ogos ini.

Bekas Ahli Parlimen Pandan itu berkata, beliau akan membuat pengumuman rasmi mengenai perkara itu esok.

Rafizi dijangka bertemu dengan penyandang Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Bagaimanapun, Azmin belum mengumumkan sama ada beliau akan mempertahankan kedudukannya atau merebut kerusi Presiden PKR yang mana dirinya akan berdepan dengan Anwar.